



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (1) Jun.2017 (029-035)

### Cerminan Jati diri Penuturnya dalam Dialek Negeri Sembilan

Kalthum Ibrahim

[kalthum@ukm.edu.my](mailto:kalthum@ukm.edu.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

---

#### Abstrak

Kajian dialek merupakan satu kajian yang penting dalam ilmu bahasa dan linguistik. Dialek ialah sejenis kelainan bahasa, yang berbeza dari segi sebutan, kosa kata dan tatabahasa daripada bahasa baku (Hartmann & Stork 1972, O'Grady et al 1998, Fromkin et al 2003). Namun penyelidikan ini tidak mengkaji secara khusus kajian dialek Negeri Sembilan (N.S) itu berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Kajian ini lebih tertumpu kepada bidang sociolinguistik. Kajian dibuat adalah untuk melihat hubungan dialek Negeri Sembilan itu dengan masyarakat yang menuturkan dialek tersebut. Kajian dan penyelidikan tentang aspek-aspek yang digolongkan sebagai bidang sociolinguistik dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu perbincangan masalah yang bersifat mikro dan makro. Penyelidikan ini lebih bersifat makro iaitu melihat dari segi penggunaan dialek Negeri Sembilan dan sikap terhadap dialek itu sendiri oleh penutur dialek tersebut. Dari aspek penggunaan, yang diperhatikan ialah situasi-situasi yang menyebabkan penggunaan dialek Negeri Sembilan dan faktor-faktor yang menimbulkan perubahan dalam penggunaan dialek tersebut. Kajian ini tidak menumpukan tahap penguasaan dialek seseorang secara khusus, cekap atau tidak mereka menggunakan dialek juga bukan menjadi ukuran. Daripada kajian ini diharapkan dapat menunjukkan pola penggunaan dialek dan adat yang mereka anuti. Adat yang ada di Negeri Sembilan dapat dibahagi kepada dua iaitu adat Perpatih dan adat Temenggung. Apakah dengan penggunaan dialek mereka dapat menunjukkan jati diri mereka. Persoalan inilah yang cuba diterokai dan diungkit oleh pengkaji.

Kata Kunci: Dialek Negeri Sembilan, Adat Perpatih, sociolinguistik, makro dan mikro

#### Abstract

#### *Reflection of Native Speakers' Identity in Negeri Sembilan Dialect*

*Research in dialectology is important within language and linguistics studies. Dialect is language variety due to difference in pronunciation, vocabulary and grammar compared to standard language (Hartmann & Stork 1972, O'Grady et al 1998, Fromkin et al 2003). The current research does not specifically study Negeri Sembilan (NS) dialect in those areas; instead the focus is from the perspective of sociolinguistics. The research has been conducted to investigate the relationship of Negeri Sembilan dialect with its speakers. Sociolinguistic aspects are categorized into issues at micro and macro levels. This research studies the micro level, focusing on the use of Negeri Sembilan dialect and the attitude of its speakers. In this context, the research studies situations that cause use of the dialect and the factors that contribute changes in it. However, it does not consider the speakers' competency or their level of competency. It is hoped that the study will be able to depict the pattern of use of the dialect and the customs that the speakers follow; either Perpatih or Temenggung. The research also hopes to see whether users of the dialect are able to portray their identity when they use Negeri Sembilan dialect.*

Keywords: Negeri Sembilan dialect, Adat Perpatih, sociolinguistic, macro and micro

## Pengenalan

Masyarakat dan bahasa tidak dapat dipisahkan, tanpa bahasa manusia tidak dapat berhubung dan menyampaikan pemikiran mereka. Begitu juga dengan dialek, ia merupakan bahasa yang digunakan oleh masyarakat setempat untuk berhubung dalam komunikasi yang tidak formal. Menurut *Kamus Linguistik* (1997) dialek ialah variasi bahasa yang berbeza daripada segi sebutan, tatabahasa dan kosa kata daripada bahasa baku. Dialek Negeri Sembilan(NS) boleh dibahagikan kepada dua sub-kawasan iaitu:

- Sub-kawasan utara yang meliputi daerah Jelevu dan Lenggeng,
- Sub-kawasan selatan yang meliputi daerah-daerah Kuala Pilah, Seremban, Rembau, Port Dickson dan Tampin. Antara dua sub-dialek ini, Sub-dialek Kuala Pilah dianggap sebagai sub-dialek asas bagi dialek NS (Asmah Hj. Omar, 1985) kerana Kuala Pilah dianggap sebagai pusat budaya bagi kehidupan tradisional NS.

Biasanya setiap masyarakat mempunyai sistem nilai yang menjadi “pengikat” atau aturan yang diterima oleh anggota masyarakat itu atau dipegang secara bersama. Sistem nilai ini penting untuk membolehkan kehidupan mereka dapat diteruskan dalam suasana yang harmoni. Tanpa satu nilai yang kuat sukar sesebuah masyarakat itu dapat meneruskan tradisi kehidupan iaitu dari segi sosial, ekonomi dan politiknya. Begitu juga masyarakat di NS, mereka berpegang kepada Adat Perpatih. Pada masyarakat Adat Perpatih, adat itu adalah peraturan hidup di dunia: “Hidup dikandung adat; mati dikandung tanah.” (Nordin Selat, 1982).

Penerangan berkenaan Adat Perpatih ini juga perlu dibuat oleh pengkaji agar orang luar dapat memahami perkara yang terkandung dalam adat perpatih berkenaan. Kajian ini tidak menumpukan tahap penguasaan dialek seseorang secara khusus, cekap atau tidak mereka menggunakan dialek juga bukan menjadi ukuran. Daripada kajian ini diharapkan dapat menunjukkan pola penggunaan dialek. Adat yang ada di Negeri Sembilan dapat dibahagi kepada dua iaitu adat Perpatih dan adat Temenggung. Apakah dengan penggunaan dialek mereka dapat menunjukkan jati diri mereka? Persoalan inilah yang cuba diterokai dan diungkai oleh pengkaji. Menurut Helge dalam Nor Hashimah et. al.(2011) penilaian seseorang terhadap sesuatu bahasa pada umumnya berdasarkan pandangan mereka yang dipengaruhi oleh faktor sosial. Secara terperinci kajian ini dilakukan untuk mencari dan melihat serta membicarakan tentang perkara yang berikut:

- i) penggunaan dialek NS dalam kalangan penggunanya,
- ii) persepsi pengguna dialek terhadap dialek NS,
- iii) hubungan dialek dengan jati diri

Pengkaji turut membuat kesimpulan berhubung dengan penggunaan dialek bagi orang NS dan hubungannya dengan jati diri mereka.

### Adat Perpatih

Adat Perpatih secara umumnya diamalkan oleh mereka yang tinggal di Negeri Sembilan (kecuali pantai) dan Naning di Utara Melaka (Zainal Kling, 1994). Di samping itu pula dianggap adat perpatih adalah menurut nasab ibu sedangkan beberapa aspek dan prinsip organisasi sosial Islam lebih banyak berasaskan sistem nasab bapa. Perkahwinan dalam masyarakat adat perpatih mewujudkan dua kedudukan; tempat semenda dan orang semenda. Mungkin peranan dua pihak inilah yang selalunya menjadi salah tafsir atau mendapat persepsi yang negatif daripada orang luar dan menyebabkan orang NS malu untuk mengaku orang negeri.

Bila seorang lelaki berkahwin dengan perempuan dalam adat perpatih, dia terus tinggal di rumah isterinya. Dia menjadi keluarga si isteri dan sekaligus telah bersemenda dengan anggota-anggota suku isterinya. Lelaki itu dikenali sebagai “orang semenda” manakala tempat lelaki itu bersemenda dikenali sebagai “Orang Tempat Semenda”. Orang Semenda mempunyai beberapa kewajipan terhadap Orang Tempat Semenda, misalnya mesti mengerjakan tanah pusaka isterinya dengan baik, menyara anak isterinya dan pelbagai lagi seperti yang terkandung dalam adat. Orang Semenda dapat di bahagikan kepada tiga jenis – Orang Semenda Bertandang, Orang Semenda Menetap dan Orang Semenda Bebas (Nordin Selat 1982:49). Orang Semenda di Tempat Semenda ini merupakan satu kumpulan “seresam”. Begitu juga dengan Orang Tempat Semenda sebagai satu kumpulan dikenali sebagai “seadat”.

Kemungkinan seseorang itu boleh menjadi Orang Semenda dalam suku isterinya dan Orang Tempat Semenda dalam sukunya sendiri. Berkenaan dengan orang lelaki dari luar NS yang hendak berkahwin dengan perempuan NS pula mereka terpaksa melalui upacara berkedim atau “masuk suku” iaitu lelaki tersebut dikehendaki menjadi “ahli keluarga” mana-mana suku yang tidak sama dengan suku bakal isterinya. Jika seseorang itu belum berkedim hingga kepada upacara perkahwinannya, ia dibenarkan berkedim serta merta yang dinamakan “memusat di bumi menitik di langit Undang”. Dia menjadi “anak” Undang dan Undang boleh menyerahkannya kepada sebarang suku (Nordin Selat 1982:43)

Berkedim ini penting dalam menentukan orang dagang/luar yang memasuki adat perpatih untuk memastikan dia mendapat pembelaan yang sewajarnya. Ada dua fungsi kedim dalam upacara perkahwinan bagi anak dagang dalam adat perpatih. Pertama waktu akad nikah, segala perjanjian dan segala pengisytiharan tentang harta pembawaan perlu dibuat oleh keluarga. Kedua, sebagai tempat mengadu. Memandangkan si lelaki itu tidak mempunyai suku sendiri yang diketuai oleh Buapak, sekiranya berlaku perselisihan dengan isterinya, maka beliau boleh mengadu kepada Buapak pada suku dia berkedim.

Buapak ialah ketua perut dan memainkan peranan sebagai ibu dan bapa kepada anak buahnya. Segala perselisihan faham dalam perut dibawa kepada Buapak untuk diselesaikan. Segala mas kahwin dalam perut diterima oleh Buapak, bagi pihak keluarga yang terlibat. Harta dapatan dan harta bawaan dijelaskan di hadapannya. Jika berlaku perceraian, Buapak bertanggungjawab membuat pembahagian harta dapatan atau carian. Manakala harta bawaan dikembalikan kepada lelaki kerana harta itu memang hak si lelaki yang dimilikinya sebelum berkahwin, namun sekiranya hasil perkahwinan mereka lahir anak perempuan, maka harta bawaan juga hendaklah ditinggalkan untuk anak perempuan itu. Harta pusaka pula mesti ditinggalkan seperti rumah pusaka dan sawah padi atau sebarang harta yang dibeli dengan wang dari harta pusaka, si suami memang tidak ada hak ke atas harta itu meskipun dia sudah mengerjakannya sejak dia bersemenda di situ kerana apa yang dikerjakan itu adalah harta isterinya.

### **Jati Diri Orang Negeri**

Setelah kita mengetahui serba sedikit tentang Adat Perpatih, kita lihat pula bagaimana adat tersebut dapat mempengaruhi jati diri orang Negeri. Kajian untuk mengetahui jati diri orang Negeri tersebut dilakukan secara soal selidik. Soal selidik berkenaan telah diberikan kepada informan yang terdiri daripada mahasiswa yang berasal dari NS. Informan itu terdiri daripada pelajar yang berumur dua puluh hingga dua puluh dua tahun. Mereka terlibat dalam Persatuan Anak Negeri Sembilan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkaji merasakan perlu untuk melihat penggunaan dialek oleh generasi muda NS. Adakah persepsi mereka masih sama dengan persepsi orang luar sejak dahulu berkenaan dengan orang Negeri? Sejak dahulu persepsi yang negatif sering didengar terhadap orang NS itu adalah seperti yang berikut:

- i) Orang perempuan NS akan mengawal segala harta,
- ii) Perkahwinan dengan orang perempuan NS pasti akan berakhir dengan perceraian,
- iii) Apabila berlaku perceraian – si suami akan tinggal sehelai sepinggang,
- iv) Orang NS tidak mengikut hukum Islam daripada segi pembahagian harta – orang perempuan diberikan hak pada harta pusaka.

Persepsi seperti di atas didapati daripada soal selidik yang telah dilakukan. Oleh sebab persepsi tersebut menyebabkan pengguna dialek NS malu hendak mengaku mereka berasal dari NS. Hal beginilah menyebabkan pengkaji ingin melihat perasaan pengguna dialek terhadap dialek mereka. Jati diri boleh dilihat daripada penggunaan dialek, perasaan kasih terhadap negeri asal serta pemahaman terhadap budaya yang mereka miliki.

### **Kajian yang dilaksanakan**

Para informan untuk kajian ini terdiri daripada 30 orang mahasiswa UKM yang berasal dari NS. Kesemua informan belum berkahwin. Lingkungan umur mereka adalah antara 20 – 22 tahun. Para informan diberikan borang soal selidik yang mengandungi 10 soalan yang bertujuan melihat jati diri informan (Lihat Lampiran 1). Holmes (2001) mengatakan pengguna sesuatu dialek menggunakan dialek tersebut atas pelbagai sebab dan antaranya ialah untuk memberi signal atau isyarat akan keahliannya di dalam satu-satu kumpulan. Status sosial, umur, etnik kaum adalah antara dimensi identiti seseorang itu dan ianya boleh dimanifestasikan melalui bahasa umumnya dan dialek secara spesifiknya. Oleh yang demikian pengkaji telah membentuk soalan yang berkaitan penggunaan dialek bagi melihat

jati diri mahasiswa dari NS. Pengkaji dapat kaitkan kurangnya penggunaan dialek NS seringkali dikaitkan dengan persepsi negatif terhadap orang yang berasal dari Negeri Sembilan.

Setelah dilakukan soal selidik, dapatan daripada soal selidik itu adalah seperti yang berikut:

- Lebih daripada 50% mengatakan mereka tidak fasih menggunakan dialek NS
- 60% mengatakan sekiranya mereka berjumpa kawan senegeri mereka akan menggunakan dialek
- 40% mengatakan mereka belajar menggunakan dialek daripada ibu, bapa atau keluarga mereka
- 70% mengatakan adat perpatih itu bertentangan dengan hukum Islam
- 50% mengaku mereka malu untuk menggunakan dialek sekiranya berada di luar NS

Bagi soalan 4 iaitu adakah mereka akan memilih orang Negeri Sembilan sebagai pasangan mereka? Sembilan informan lelaki memilih untuk berkahwin dengan perempuan Negeri, manakala enam informan lelaki tidak mahu berkahwin dengan orang NS. Begitu juga pendapat informan perempuan di mana sembilan daripada mahasiswi tersebut tidak mahu berkahwin dengan orang lelaki NS. Enam orang yang bersetuju untuk berkahwin dengan orang negeri pula mengatakan pasangan mereka akan lebih memahami budaya mereka sendiri.

Dapatan menunjukkan, 50% informan menyatakan bahawa mereka kurang fasih menggunakan dialek, oleh sebab itu mereka tidak menggunakan dialek walaupun mereka berbual-bual dengan kawan senegeri. Namun dalam soalan ke-8 yang bertanya berkenaan penggunaan dialek dengan kawan-kawan senegeri dapatan menunjukkan 60% mengatakan mereka menggunakan dialek agar rasa keakraban di samping lebih mesra dan memudahkan komunikasi. Bagi mereka yang tidak menggunakan dialek semasa berbual-bual dengan orang senegeri adalah disebabkan mereka kurang atau tidak fasih menggunakan dialek NS.

Dapatan seterusnya, menunjukkan 70% mengatakan adat perpatih bertentangan dengan agama Islam. Kesemua informan perempuan bersetuju bahawa adat perpatih bertentangan dengan agama Islam. Namun bagi informan lelaki kebanyakan mereka mengatakan bahawa adat perpatih tidak bertentangan dengan Islam. Dapatan ini seakan-akan informan wanita amat pasti bahawa adat perpatih tidak mengikut hukum syarak terutama daripada segi pembahagian harta. Walaupun daripada hakikatnya orang perempuan yang mendapat keuntungan daripada adat perpatih mereka tetap nampak bahawa di situ ada yang tidak kena dengan adat perpatih, mereka telah memberikan pelbagai sebab yang menunjukkan adat perpatih tidak sesuai dengan Islam, antara sebabnya adalah seperti yang berikut;

- i) bertentangan kerana dalam pewarisan dan pembahagian harta lelaki perlu diutamakan kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang besar.
- ii) bertentangan kerana dalam soal pewarisan dalam Islam memberi kelebihan kepada orang lelaki berbanding perempuan
- iii) bertentangan kerana harta bagi pandangan mereka perlu dilebihkan untuk orang lelaki kerana mereka merupakan seorang ketua keluarga dan pemimpin
- iv) bertentangan – kerana adat tersebut tidak sesuai dengan syariat Islam.
- v) bertentangan – kerana tidak mematuhi dan mengikut syariat Islam

Sebagai sebuah masyarakat pengamal adat perpatih mereka semua beragama Islam, mereka sembahyang, berpuasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji yang tidak ada bezanya dengan masyarakat Melayu (Islam) yang lain, namun timbulnya tanggapan bahawa adat perpatih bertentangan dengan Islam adalah daripada segi pembahagian harta. Menurut adat perpatih semua harta pusaka adat adalah menjadi milik perempuan iaitu anak atau anak-anak perempuan bagi seseorang ibu, anak lelaki tidak ada hak sama sekali. Sekiranya si ibu tersebut tidak mempunyai anak perempuan maka harta pusaka itu akan jatuh kepada anak saudaranya iaitu anak perempuan kepada saudara perempuannya, walaupun si ibu itu mempunyai anak lelaki. Pembahagian harta secara ini jika dilihat daripada sudut Islam memang ia boleh dikatakan bercanggah dengan hukum faraid.

Bagi soalan terakhir yang bertanya tentang pernah mendengar cerita-cerita yang tidak baik berkenaan orang NS daripada orang luar? Kebanyakan informan iaitu sebanyak 60% menjawab ada, kebanyakannya berkenaan dengan perkahwinan dan pembahagian harta pusaka yang tidak mengikut syarak. Di samping itu dapatan daripada informan berkenaan perkara yang tak baik ialah orang luar beranggapan kaum wanita NS menguasai sepenuhnya harta pihak lelaki setelah berkahwin, perebutan harta, pemilikan harta lebih kepada wanita serta berkenaan hal perkahwinan. Ada juga informan yang pernah mendengar daripada orang luar mengatakan bahawa bahasa NS agak kasar.

## Kesimpulan

Dapatan daripada kajian ini telah memaparkan satu keadaan yang membimbangkan, iaitu para penutur dialek Negeri Sembilan berasa malu untuk menggunakan dialek tersebut disebabkan persepsi yang kurang baik tentang orang NS yang diberikan oleh masyarakat luar. Namun demikian masih terdapat mereka yang berasa bangga menggunakan dialek Negeri Sembilan tetapi golongan ini dikira sebagai golongan minoriti dan mereka menggunakan dialek Negeri Sembilan dalam kalangan keluarga dan kawan-kawan karib semasa berada di rumah atau di kampung halaman sahaja.

## RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 1985. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holmes, J. 2001. *An introduction to sociolinguistics*. (2<sup>nd</sup>. Ed.). England: Longman.
- Mohd. Shah bin Mohd. Said al-Haj. 2000. *Tambo Alam Naning*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi ke-4*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Nor Hashimah et. all (2011). Persepsi Politik dalam Dialek Kedah: Analisis Sem,antic Kognitif. *Jurnal Linguistik*. Jilid 12. Edisi Khas:13-33.
- Yeop Johari Yaakob. 1994 “Dialek Negeri Sembilan: Satu Lambang Ciri Budaya Negeri Sembilan,” dalam Tan Sri Samad Idris et.al (peny.) *Negeri Sembilan: Gemuk Berpupuk, Segar Bersiram Luak Tanah Mengandung*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidik Budaya, Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan. (hlm. 365 – 381)
- Zainal Kling. 1994. *Sistem Nilai Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Soal selidik berkenaan Dialek Negeri Sembilan gambaran jati diri penuturnya**

1. Pendahuluan

Dialek Negeri Sembilan(N.S) gambaran jati diri penuturnya; jati diri seseorang penutur dapat dilihat daripada segi percakapan dan budaya yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Oleh itu penyelidikan ini penting untuk mengetahui sama ada jati diri itu dapat dilihat daripada amalan budaya yang melingkari kehidupan penutur dialek N. Sembilan. Segala maklumat daripada kajian ini adalah untuk tujuan akademik.

2. Latar Belakang :

Umur .....  
Jantina: .....  
Berasal dari daerah:.....

3. Jati diri orang N. Sembilan

- a. Adakah anda suka dan bangga menjadi orang N.S? Jelaskan  
Ya,.....  
.....  
.....  
Tidak,.....  
.....  
.....
- b. Apakah anda tahu berkenaan Adat Perpatih? Terangkan apa yang anda tahu tentangnya  
.....  
.....
- c. Adakah Adat Perpatih itu sesuai dengan pandangan Islam?  
Kalau ya, kenapa .....  
.....  
.....Kalau tidak,  
kenapa.....
- d. Sekiranya diberi pilihan adakah anda akan memilih pasangan yang berasal dari N. Sembilan juga?  
Kalau ya mengapa.....  
.....  
.....  
Kalau tidak, mengapa.....  
.....  
.....
- e. Perkara apa yang sering timbul di fikiran kawan-kawan awak, apabila mereka tahu awak berasal dari N. Sembilan?  
.....  
.....  
.....
- f. Adakah anda berkawan dengan orang N. Sembilan sahaja ? Ya / Tidak  
Kalau ya mengapa.....  
.....  
.....  
Kalau tidak, mengapa.....  
.....  
.....
- g. Apakah awak fasih menggunakan dialek N.S? Ya / Tidak

Kalau ya, dari mana awak belajar dialek tersebut?

.....  
.....  
.....

- h. Adakah anda menggunakan dialek N.S dengan kawan-kawan yang berasal dari N.S?  
Ya / Tidak

Kalau ya mengapa.....  
.....  
.....  
Kalau tidak, mengapa.....  
.....

- i. Apakah ADA pengalaman baik yang anda lalui ketika bersama  
dengan kawan-kawan dari N.S? Ada / Tidak Ada

Kalau ada terangkan: .....  
.....  
.....

- j. Apakah anda pernah mendengar cerita-cerita yang  
tidak baik berkenaan orang N.S daripada orang luar? Ya / tidak  
Kalau ya, tentang perkara apa

.....  
.....  
.....  
.....

Jawapan Ya/ Tidak (Bahagian Persepsi)

- i) Orang perempuan NS akan mengawal segala harta (.....)
- ii) Perkahwinan dengan orang perempuan NS pasti akan berakhir dengan perceraian (.....)
- iii) Apabila berlaku perceraian – si suami akan tinggal sehelai sepinggang (.....)
- iv) Orang NS tidak mengikut hukum Islam daripada segi pembahagian harta – orang perempuan diberikan hak pada harta pusaka (.....)